

Kisah Perjuangan Nabi-Nabi

KISAH NABI HUD



**Ditulis semula oleh
ABDUL RAUP**

Kisah Perjuangan Nabi-Nabi

KISAH NABI HUD



PUSTAKA PENAMAS

No. 39, Jalan USJ 2/3,
47600 Subang Jaya, Selangor
Tel: 603-56337549 Fax: 603-80233286

Abdul Raup

Kisah Nabi Hud / ditulis semula oleh Abdul Raup.

(Kisah perjuangan nabi-nabi)

ISBN 967-74-0221-8 (set)

ISBN 967-74-0222-6

1. Prophets, Pre-Islamic--Juvenile literature. 2. Islamic stories, Malay.

I. Judul. II. Siri.

297.246

Semua Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebarang cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebagainya tanpa izin terlebih dahulu dari Pustaka Penamas

Diterbitkan oleh

PUSTAKA PENAMAS

No. 39, Jalan USJ 2/3,

47600 Subang Jaya, Selangor

Tel: 603-56337549

Fax: 603-80233286

© PUSTAKA PENAMAS

Cetakan Pertama ... 2002

Dicetak oleh:


Percepatan Sentosa (K.L.) Sdn. Bhd.

Lot 223, Sek 92, Jalan Lima, Off Jalan Chan Sow Lin,

55200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-92213755 Fax : 03-92219254

KISAH NABI HUD



Kehidupan kaum Ad pulih seperti biasa. Negeri mereka menjadi makmur kembali sehingga mereka lupa pada penderitaan yang mereka alami itu. Kini mereka kembali sesat sehingga menjadi ganas, kejam dan melupai Allah. Mereka kembali menyembah berhala.

Nabi Hud merasa amat sedih melihat kaumnya yang sesat itu. Untuk mententeramkan jiwanya, ia pun pergi bertapa di atas sebuah bukit. Pada suatu hari Nabi Hud menjumpai batu yang disembah oleh kaumnya itu. Nabi Hud merasa kesal memikirkan kaumnya yang bodoh itu. Mereka menyembah berhala bisu yang tidak mempunyai kuasa itu.



Nabi Hud merasa amat kesal kerana segala kata-kata dan nasihatnya tidak dituruti oleh kaumnya yang degil itu. Nabi Hud memikirkan bagaimana hendak mengatasi keadaan itu. Kerana memikirkan keadaan itu ia pun tertidur.



Tidak lama kemudian, Nabi Hud pun terjaga. Ia mendengar seperti ada orang di bukit pertapaannya itu, Baginda lalu pergi bersembunyi kerana bimbang dilihat oleh orang tersebut. Ia pun mengadap ke arah suara yang didengarnya itu.



Di situ kelihatan Jahlama sedang duduk memerhati ke arah padang pasir yang kering-kontang itu. Tiba-tiba Jahlama bertepuk tangan dan melompat-lompat keriangannya. Nabi Hud terus memerhatikan tingkah-laku Jahlama.



Rupa-rupanya sekumpulan kafilah yang sedang berjalan menuju ke arah bukit itu. Kafilah ini membawa sejumlah barang-barang untuk dijual. Kumpulan Jahlama pun turun menyongsong kafilah itu. Ia hendak menemui orang-orang di kafilah itu. Jahlama dan rakan-rakannya bercadang untuk merompak kafilah itu.



Nabi Hud tidak suka melihat rompakan berlaku. Ia menadah tangan dan memandang ke langit, lalu bersabda: "Wahai Tuhanku, lembutkan hati hamba-hambamu itu. Engkaulah satu-satunya yang mencurahkan belas kasihan dan maha mengetahui."



“Wahai Hud, sesungguhnya Allah telah melantik engkau menjadi Rasul. Allah mengutuskan engkau sebagai pesuruhnya kepada kaum yang kejam itu. Pergilah engkau kepada mereka itu dan suruhlah mereka menyembah Allah yang Maha Esa.



Perintahkan kepada mereka supaya meninggalkan perbuatan liar dan ganas itu. Janganlah mereka merampas dan membunuh. Kalau mereka tidak mendengar suruhan engkau, ancamkan mereka dengan azab yang maha besar," kata suara itu.



Suara itu hilang bersama cahaya yang terang-benderang itu. Itulah suara malaikat Jibrail menyampaikan wahyu kepada Nabi Hud.

Seluruh badan Nabi Hud **menggigil**. Setelah mendongak ke langit buat seketika fikiran Nabi Hud kembali tenang. Tahulah Nabi Hud bahawa Tuhan telah melantiknya menjadi Rasul. Rasul yang bertanggungjawab dan menyeru perintah Tuhan kepada kaumnya.



Kemudian dengan penuh tabah, Nabi Hud turun dari bukit untuk menemui kaumnya bagi menyampaikan amanah Allah kepada hambanya.



Pada ketika itu Jahlama dan pengikutnya sedang berborak kerana berjaya merampas barang-barang saudagar dan menawan mereka. Jahlama dengan megah membahagi-bahagikan harta rampasan itu. Orang-orangnya disuruh diam kerana hendak menghukum saudagar-saudagar yang ditawan itu.



Suasana menjadi sepi. Dengan tiba-tiba Nabi Hud meluru ke hadapan Jahlama sebelum hukuman dijatuhkan. Dengan suara yang lantang Nabi Hud bersuara:



“Hai Jahlama! Engkau tidak ada perikemanusiaan. Dengan senang-senang sahaja merampas harta benda orang lain.”





Pengikut-pengikut Jahlama merasa amat terkejut melihat keberanian Nabi Hud. Jahlama dengan muka yang garang merenung kepada Nabi Hud. Matanya merah bersinar-sinar dan dengan nada marah Jahlama menengking.

“Hud! Apa engkau peduli dengan urusan aku. Apa hubungan engkau dengan orang-orang tawananku ini. Engkau memang mencari nahas. Mungkin engkau rasa dengki kepada kami yang mendapat harta benda ini. Engkau penakut tidak berani bersama-sama kami merampas dan merompak harta orang!”



“Wahai kaumku! Aku ini telah diutus oleh Allah kepada kamu. Allah telah memerintahkan supaya kamu menyembahnya.” Nabi Hud berkata dengan suara yang lantang. “Ingatlah, kamu menyembah patung berhala yang tidak berkuasa itu adalah sia-sia sahaja. Ini akan merugikan kamu!”





Kaum Nabi Noh dulu musnah kerana ditimpa bala. Mereka tenggelam dari muka bumi ini dan binasa. Kecuali orang-orang yang beriman kepada Allah sahaja yang terlepas daripada bencana alam itu," sambung Nabi Hud lagi.

Keadaan menjadi riuh-rendah. Ada yang percaya kepada kata-kata Nabi Hud dan ada yang berpegang kepada Jahlama. Jahlama naik garang dan bengis.





“Mengapa kamu semua tak berani bertindak terhadap lelaki gila ini. Relakah kau mendengar ejekannya terhadap Tuhan kamu turun-temurun?” tanya Jahlama kepada pengikut-pengikutnya.



Belum sempat orang-orang Jahlama bertindak, Nabi Hud bersuara lagi. "Saya bukan hendak menakut-nakutkan kamu semua. Saya sebenarnya sudah diangkat menjadi Rasul untuk menyampaikan risalah Allah kepada kamu. Allah yang Esa, Maha Besar dan Maha Agung dari segala-gala yang ada di dunia ini."

“Adakah engkau datang semata-mata hendak menyuruh kami menyembah Allah saja? Datanglah kepada kami dengan apa-apa yang telah engkau janjikan. Kalau engkau orang benar!” Jerit pengikut Jahlama.




Jahlama bertambah marah apabila mendengar kata-kata Nabi Hud. Ia kehilangan arah dan pertimbangan. Kemarahannya itu melampau kepada orang-orang tawanan. Lalu Jahlama menikam-nikamnya dengan suka hati. Maka matilah semua tawanan itu.




Melihat perbuatan Jahlama itu, Nabi Hud tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Baginda segera meninggalkan tempat itu. Jahlama dan pengikutnya ketawa mengejek-ejek Nabi Hud yang tidak berani menentang mereka.



Nabi Hud berusaha menyeru kaumnya menyembah Allah. Sesungguhnya ada golongan yang menerima pengajarannya itu tetapi masih ramai lagi yang **ingkar**. Mereka bukan sahaja tidak percaya akan kaum Nabi Hud, tetapi membuat tentangan yang hebat terhadap Nabi Hud dan orang-orangnya.





PERBENDAHARAAN KATA

1. Berhala - Patung-patung untuk disembah
2. Baginda - Panggilan kepada Nabi-Nabi
3. Bersembunyi - berlindung
4. Rakan-rakannya - Sahabat-sahabatnya
5. Ancamkan - gertak, ugut
6. Menggigil - Teramat takut, menggeletar
7. Nahas - bahaya
8. Ingkar - tidak menurut perintah

Kanak-kanak sangat penting didedahkan kepada pendidikan moral untuk membolehkan mereka menghayati Islam kerana peringkat asas yang kuat dan kukuh untuk mereka mengetahui perjuangan Nabi yang sebenar.

Siri KISAH PERJUANGAN NABI-NABI ini dapat memberi faedah kepada murid-murid yang membacanya. Semoga siri ini akan menambahkan lagi bahan bacaan yang bercorak Islam untuk pembangunan pendidikan yang sewajarnya.



PUSTAKA PENAMAS

No. 39, Jalan USJ 2/3,
47600 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 603-56337549
Fax: 603-80213286

ISBN 967-74-0222-6

